



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 20 OGOS 2024 (SELASA)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• MBSJ CONTENT NUMBERS

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MPAJ	• 'CLAIMS IN VIRAL MPAJ VIDEO FALSE' • MPAJ LUCKY DRAW
		MPKJ	• COMPOUND DISCOUNT
		MPS	• RESIDENTS WANT PART OF LEBUH UTAMA SRI GOMBAK REOPENED
2.	HARIAN METRO	MPKS	• OPERASI BERSEPADU PREMIS WARGA ASING

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	• STATE-LEVEL CELEBRATION
2.	SINAR HARIAN	• PELARASAN GAJI PENJAWAT AWAM, LHDN JANGKA PEMBAYAR CUKAI BERTAMBAH • TEMPATKAN PEGAWAI SPRM DI AGENSI KERAJAAN BANTU BANTERAS RASUAH • HARGA KEKAL JIKA TIADA PENINGKATAN KOS BAHAN MENTAH • SEMUA PIHAK PERLU SOKONG ASPIRASI MALAYSIA JADI 20 NEGARA TERATAS TEKNOLOGI AI • KAWASAN SEKITAR DATARAN MERDEKA DIJADIKAN SEBAGAI WARISAN MELAYU • TIGA ELEMEN UTAMA JIWA MERDEKA • SELENGGARA DENGAN BAIK KEMUDAHAN ASAS ORANG ASLI
3.	HARIAN METRO	• SIASATAN TELUS BABIT DAKWAAN KAKITANGAN KURANG AJAR • SOKONG ASPIRASI JADI 20 NEGARA TERATAS DALAM TEKNOLOGI AI • AIR SELANGOR RAIH RM1.2B
4.	KOSMO	• 10 MINIT SELESAI URUSAN KERAJAAN • AIR SELANGOR TERBIT SRI KAS TERBESAR RM1.2 BILION • ORANG ASLI DI SELANGOR TIDAK BOLEH TERTINGGAL • ELAK JADI PENGKHIANAT LEBIH BESAR – PM • PERLUKAN UNDANG-UNDANG ELAK KETIRISAN TATAKELOLA AI
5.	BERITA HARIAN	• SULTAN SELANGOR TITAH KERAJAAN, SWASTA PENUHI KEPERLUAN ORANG ASLI • 'JANGAN ADA PIHAK CUBA ROSAKKAN AGENSI URUS AGENDA BUMIPUTERA' • KERAJAAN SOKONG TINGKAT AI DI SEKTOR PERBANKAN • PUTERA35 ANGKAT MARTABAT BUMIPUTERA JADI LEBIH PRODUKTIF • PUTERA35 JAMIN KEMAKMURAN DINIKMATI BERSAMA
6.	UTUSAN MALAYSIA	• KERAJAAN KAJI LAKSANA CUKAI KARBON – TENGGU ZAFRUL • RAIKAN RUKUN NEGARA, ASAS JIWA MERDEKA • PROGRAM KEMBARA MERDEKA PUPUK SEMANGAT PATRIOTISME • MERDEKAKAH PEMIKIRAN DAN TINDAKAN KITA? • PUTERA35 TINGKAT EKONOMI BUMIPUTERA DALAM 10 TAHUN
7.	NEW STRAITS TIMES	• NEW PLAN TO SPUR BUMI ECONOMIC DEVELOPMENT • MINISTRY TARGETS RM300B GREEN INVESTMENTS BY 2030 • TACKLE BULLYING BY BEING KIND AND THOUGHTFUL TO OTHERS
8.	THE SUN	• AIR SELANGOR RAISES RM1.2 BILLION FROM SRI SUKUK ISSUE • BLUEPRINT TO BOOST BUMIPUTERA COMPANIES' CONTRIBUTION TO GDP • HELP M'SIA ACHIEVE AI TARGET : ANWAR

MBSJ CONTACT NUMBERS ✓

All departments at Subang Jaya City Council (MBSJ) can be reached via WhatsApp for the public to lodge complaints and make enquiries on working days, from 8am until 5pm. To get the WhatsApp numbers, visit MBSJ's social media platforms.

THE STAR

20 AUG 2024

Tarikh:.....

87x 20/8 (MPAJ)

'Claims in viral MPAJ video false'

Council: Officers prevented from carrying out duties at Taman Lembah Maju A stalls

THE Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) says accusations of bias levelled against its officers in a viral video are false.

The video showed an altercation between MPAJ personnel and several people during an inspection at a row of stalls constructed under the build-operate-transfer (BOT) concept at Taman Lembah Maju A, Ampang, Selangor.

The video showed MPAJ's officers being questioned aggressively on their alleged preferential treatment and for not taking action against a stall manned by a foreign worker.

A woman was also heard accusing one of the officers of soliciting bribes.

MPAJ said in a statement that the accusations were baseless and that there was no misuse of power as all traders were being monitored during the incident.

"The council held a *got-*

ong-royong programme at the stalls on Aug 14 at 9am," said the statement.

"All stalls were checked on the nature of their business, status of their licence as well as condition of their premises.

"The traders were also briefed on compliance with licence conditions as well as water and electricity issues.

"They were also asked to provide four rubbish bins at the trading site."

The statement said during the programme, one of the trader's children provoked MPAJ personnel.

"The children belittled the officers who were carrying out their duties and prevented them (by touching one officer's body) from inspecting the premises," said MPAJ, adding that the programme ended at noon.

"On Aug 15 at 9am, MPAJ officers went to the site for

monitoring and inspection purposes.

"At 4pm on the same day, MPAJ officers returned to the site to inspect and take photographs of grease traps.

"The officers were verbally abused and prevented from carrying out their duties."

The statement said that at 9.30pm on the same day, MPAJ officers went back to the trading site, this time to inspect stalls that were not open in the morning, and took enforcement action.

"Several compounds were issued against traders for operating without licences and for hiring foreign workers.

"The children of one of the traders who received a compound provoked and obstructed MPAJ officers from carrying out their duties," said the statement, which added that MPAJ had lodged a police report on the matter. — **By VIJENTHI NAIR**



Screenshot from the viral video involving an altercation between MPAJ personnel and traders at Taman Lembah Maju A in Ampang.

THE STAR

Tarikh:....2...0...AUG...2024

MPAJ LUCKY DRAW ✓

Ampang Jaya Municipal Council's second Jom Bayar Cukai Taksiran MPAJ lucky draw will take place from September to December. To be eligible, owners must have an MPAJ Intelligent Community (ICOMM) account and pay their assessment tax by Aug 31.

THE STAR

Tarikh:.....20 AUG 2024

COMPOUND DISCOUNT ✓

Kajang Municipal Council (MPKJ) is offering a RM10 flat rate for all parking compounds until Sept 30. The public can use the Flexi Parking and Smart Selangor apps to check and pay their compounds. For details, call 1 800 88 6755 or visit www.mpkj.gov.my

THE STAR

Tarikh: 20 AUG 2024

Residents want part of Lebuhraya Sri Gombak reopened



The closure of Lebuhraya Sri Gombak is affecting residents in many nearby neighbourhoods. — LOW BOON TAT/The Star

By MEGAT SYAHAR (MPS)
megatsyahr@thestar.com.my

RESIDENTS are unhappy that a stretch of Lebuhraya Sri Gombak, which is the main access to their homes in Batu Caves, Selangor, is closed for widening works.

The closure, which affects some 30 neighbourhoods, is disrupting traffic flow and causing a lot of inconvenience, they said.

The residents want Selayang Municipal Council (MPS) to reopen part of the affected stretch and close only portions of the road where works are ongoing.

"The road closure was done without any thought," said Taman Indah Gemilang Residents Association former chairman Lim Cheng Hoe.

Residents now have to get up earlier than usual to send their children to school and to

go to work.

"This is something we cannot accept as there are other ways to ease traffic flow.

"The authorities have not considered the inconvenience the closure is posing to residents," Lim said.

A resident who wanted to be known as Ahmad P said that due to the road closure, he had to leave his house very early to drop his child off at school.

The closure, he said, had also caused severe congestion at internal roads and in front of SK Sri Gombak as residents resort to alternative routes.

"We need access to Lebuhraya Utama Sri Gombak as it is the main road that residents use to get in and out of our homes," he said.

Community activist Yee Poh Ping said a notice placed near the project site indicated that the road upgrading work started on July 27 and was expected to

be completed on Nov 28.

"Residents will have to wait another three months before traffic can return to normal," he said.

"I suggest that MPS open at least one lane in each direction at Lebuhraya Utama Sri Gombak, while the remaining lanes can be closed for road widening works.

"If that is not possible, the contractor should carry out upgrading works at night.

"The contractor should also have people on hand to monitor and direct traffic, if necessary," said Yee during a press conference at Lebuhraya Utama Sri Gombak.

When contacted, a spokesperson from MPS said several alternative routes had been established at specific times, following a meeting on Aug 2 with the project's contractor as well as council and residents' representatives.

THE STAR

Tarikh: 20 AUG 2024

STATE-LEVEL CELEBRATION

Selangor National Day celebrations will take place on Aug 30 at Dataran Kemerdekaan Shah Alam from 8pm until midnight. Many activities have been planned including a parade, performances by local artists and fireworks display.

THE STAR

20 AUG 2024

Tarikh:.....

Pelarasan gaji penjawat awam, LHDN jangka pembayar cukai bertambah

SA 20/8
CYBERJAYA - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menjangkakan pembayar cukai dalam kalangan penjawat awam meningkat susulan pengumuman kenaikan gaji oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jumaat lepas.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin berkata, potongan cukai itu tertakluk kepada pendapatan yang boleh dicukai.

"Jika gaji yang diterima melebihi nilai ambang yang ditetapkan, sudah tentu ada

kesan cukai daripada pendapatan atau kenaikan yang diterima.

"Tentunya ia juga bergantung kepada pelepasan yang dituntut dan sebagainya," katanya kepada media selepas Majlis Perasmian Ops Metro 2024 di sini pada Isnin.

Jumaat lepas, Anwar mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana, manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi di bawah Sistem Saraan Penjawat Awam. - Bernama

SINAR HARIAN

Tarikh: 20 AUG 2024

Tempatkan pegawai SPRM di agensi kerajaan bantu banteras rasuah

KOTA KINABALU - Inisiatif Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Sabah menempatkan pegawai integriti di pejabat kementerian di negeri ini dilihat berkesan apabila ada aktiviti salah guna kuasa atau rasuah berjaya dikesan dan diheret ke mahkamah.

Pengarah SPRM Sabah, S Karunanithy berkata, memang ada pegawai SPRM ditempatkan di semua unit di kementerian bagi me-

mantau sebarang aktiviti yang menjurus kepada rasuah.

"Ini melibatkan polisi dasar tetapi bagi pandangan saya ia berkesan kerana ramai pegawai integriti ditempatkan di unit-unit kementerian.

RASUAH BUSTERS
Malaysia Tanpa Rasuah

"Kita ambil contoh baru-baru ini SPRM melaksanakan Ops Fly melibatkan kegiatan 'pasport terbang' yang mana ia

adalah kolaborasi dengan pegawai ditempatkan di Jabatan Imigresen," katanya selepas menghadiri Program Bual Bicara dan Boling SPRM Bersama Media Sabah di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai usaha SPRM membanteras rasuah yang masih dilaksanakan dengan menempatkan pegawainya di pejabat kerajaan Sabah.

Media baru-baru ini melaporkan SPRM Sabah berjaya menumpaskan sindiket pasport terbang melibatkan nilai rasuah sehingga RM300,000 dengan penahanan anggota penguat kuasa menerusi Ops Fly.

Mengulas mengenai program yang dihidirinya beliau berkata,



Karunanithy (tengah) bersama pengamal media Sabah pada Program Bual Bicara dan Boling SPRM Bersama Media Sabah Kota Kinabalu baru-baru ini.

peranan media sangat penting dalam membantu agensi itu melakukan penyiasatan susulan laporan atau pendedahan yang dibuat oleh wartawan.

"Kita boleh lihat banyak kes

yang didedahkan media berakhir dengan kejayaan. Sebab itu kita anggap media merupakan rakan strategik penting kepada SPRM dalam mendedahkan kegiatan salah guna kuasa, rasuah dan

sebagainya.

"Malah media juga memainkan peranan penting menyebarkan mesej pencegahan rasuah dan dasar kerajaan berhubung isu-isu berkaitan," katanya.

Tiga penguat kuasa terlibat sindiket 'pasport terbang' ditahan SPRM



Laporan Sinar Harian pada 17 Julai lalu.

SINAR HARIAN

Tarikh: 20 AUG 2024

Harga kekal jika tiada peningkatan kos bahan mentah

SA 20/8

KUANTAN - Peniaga di daerah ini tidak akan menaikkan harga makanan walaupun selepas kerajaan mengumumkan kenaikan gaji yang melibatkan kira-kira 1.6 juta penjawat awam pada Jumaat lalu.

Rata-rata peniaga yang ditemui menjelaskan bahawa mereka akan mengekalkan harga makanan seperti biasa sekiranya tiada sebarang peningkatan kos bahan mentah yang ketara.



NAZIRUL

Seorang peniaga, Nazirul Zuber, 46, berkata, walaupun pelanggan menerima tambahan pendapatan, namun enggan mengambil kesempatan terhadap mereka.

"Kami akan kekalkan harga seperti biasa kerana sudah ada kenaikan awal tahun lalu. Jika terlalu kerap menaikkan harga tanpa sebab munasabah, pelanggan akan lari.

"Buat masa sekarang ini, kami berada dalam fasa untuk bertahan, bukan cari untung dan kemewahan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di sini pada Ahad.

Nazirul menambah, ini adalah sebahagian dari usaha mereka untuk menjaga kestabilan ekonomi tempatan dan meringankan beban pengguna, terutama dalam suasana ekonomi yang mencabar.

Jelasnya lagi, pertambahan pendapatan pelanggan sebenarnya meningkatkan kuasa beli mereka, sekali gus memberikan sedikit keuntungan kepada peniaga.

"Dengan kenaikan gaji ini, pelanggan boleh memilih untuk makan nasi, mengambil kuih, roti, dan lain-lain. Ini membolehkan mereka berbelanja lebih banyak," katanya.

Sementara itu, Kamaruddin Abdullah, 65, menyatakan bahawa tidak ada keperluan baginya untuk menaikkan harga makanan disebabkan oleh kenaikan gaji penjawat awam.

Beliau menjelaskan harga makanan dijual di kedainya tetap sama supaya semua golongan masyarakat mampu untuk membelinya.

"Harga kami tetap kekal supaya semua orang boleh membeli," katanya ringkas.

SINAR HARIAN

Tarikh:20 AUG 2024....

84
20/8

Semua pihak perlu sokong aspirasi Malaysia jadi 20 negara teratas teknologi AI

SHAH ALAM - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak menyokong dan memainkan peranan dalam menjayakan aspirasi Malaysia untuk menjadi antara 20 negara teratas dalam teknologi kecerdasan buatan (AI).

Bagi tujuan itu beliau mahu para penyelidik, pembangun dan pembuat keputusan bekerjasama untuk membangunkan teknologi terkait AI dan mengaplikasikannya secara bertanggungjawab dan beretika.

"Kita telah bersetuju membantu membangunkan ekosistem AI negara dari segi membina pusat kecemerlangan bagi memudahkan pembelajaran dan penyelidikan AI, termasuk membina sistem peng-

komputeran 'awan' AI Malaysia sendiri.

"Dalam masa sama saya juga ingin tegaskan bahawa nilai-nilai manusia, perlindungan data dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, semuanya terkesan serta diberi makna yang baharu oleh teknologi ini," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Inovasi dan Keusahawanan Dalam Pengkomputeran, Kejuruteraan dan Pendidikan Sains (InVENT 2024) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam di sini pada Isnin.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud. - *Bernama*

SINAR HARIAN

Tarikh: 20 AUG 2024

84
20/8

Kawasan sekitar Dataran Merdeka dijadikan sebagai warisan Melayu

PUTRAJAYA - Kawasan sepanjang Dataran Merdeka, Kuala Lumpur akan dijadikan sebagai warisan Melayu.

Ia adalah sebahagian daripada pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PUTERA35).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, gambaran pembangunan baharu dari seluruh koridor termasuk Bangunan Sultan Abdul Samad tidak hanya berkisar sebagai hutan batu semata-mata.

Sebaliknya, kata beliau kawasan hijau di sekitar turut akan dikekalkan.

"Saudara tahu dari tanah dan kawasan Dataran Merdeka, Bangunan Sultan Abdul

Samad sampai ke Masjid Negara, Stesen Kereta Api Kuala Lumpur dan Carcosa Seri Negara, pembangunan Kuala Lumpur harus ada ciri yang unik," katanya.

Tahun lalu, bekas Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim menyarankan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mewujudkan satu kawasan khusus warisan 'Dunia Melayu' yang mengandungi segala elemen aspek kehidupan mencerminkan seni budaya tinggi dan warisan Melayu.

Ini berikutan tiada kawasan khusus semumpama Little India di Brickfields dan China Town di Jalan Petaling untuk tatapan para pengunjung di ibu negara.

SINAR HARIAN

Tarikh: 20 AUG 2024.....

8th
2018

Tiga elemen utama jiwa merdeka

Malaysia #QuranHour
bawa dimensi baharu
mengangkat tahap
kefahaman al-Quran

Oleh MUKHRIZ
MAT HUSIN
SHAH ALAM

Malaysia #QuranHour 2024 menerusi panduan sunnah Rasulullah SAW meletakkan tiga elemen utama dalam membentuk jiwa merdeka dalam kalangan umat Islam termasuk membebaskan negara daripada sistem jahiliyah.

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Pengajian Quran Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Madya Dr Ahmad Sanusi Azmi berkata, antara elemen lain ialah membebaskan manusia daripada

da kepercayaan tidak benar dan membentuk akhlak serta amalan yang baik.

"Sistem jahiliyah ini maknanya ketetapan yang bercanggah dengan syariah itu sendiri. Contohnya, masyarakat sebelum ini tidak menutup aurat, maka Rasulullah SAW menunjukkan kepada mereka cara menutup aurat.

"Jadi sunnah ini membantu al-Quran menanamkan konsep kerangka pemikirannya dalam masyarakat dan juga membawa secara praktikalnya bagaimana sistem yang perlu dibentuk," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ujar Ahmad Sanusi, penganjur program Malaysia #QuranHour yang kini memasuki tahun ke-10 dilihat membawa satu dimensi baharu dalam mengangkat tahap kefahaman al-Quran lebih ke hadapan.


Menurutnya, pendekatan program tersebut bukan sekadar mendengar atau membaca tetapi juga memahami konteks al-Quran.

"Jadi kita faham bahawa Malaysia #QuranHour ini bukan sekadar membentuk jiwa merdeka tetapi dibahaskan juga jiwa merdeka yang bagaimana.

"Maknanya impak dari aspek memberi kefahaman, kita lihat pengaruh program-program seperti My #QuranTime itu pun mempunyai ramai pengikut. Jadi kefahaman pun lebih meningkat.

"Kedua, bagaimana Malaysia #QuranHour kali ini membawa pendekatan lebih baharu untuk memastikan masyarakat dapat menghayati mesej al-Quran dengan jelas," ujarnya.

Program Malaysia #QuranHour 2024 akan diadakan serentak di seluruh negara pada 30



Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin menjadi lokasi penganjuran Malaysia #QuranHour kali ke-10 pada 30 Ogos ini.

Ogos ini di lokasi perdana, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya bermula jam 10 hingga 11 pagi.

Slot tersebut akan bersiaran secara langsung melibatkan wakil media antaranya ialah *Sinar Harian*, Astro Oasis, TV9, Bernama, TV Alhijrah, Zayan, Astro Awani, Nu Ideaktiv, IKIM FM, Denaihati.com dan Radio Televisyen Malaysia (RTM) selaku penyiar utama Malaysia #QuranHour.

SINAR HARIAN

Tarikh:2.0.AUG.2024.....

84 20/8

Selenggara dengan baik kemudahan asas Orang Asli

FOTO: BERNAMA

Sultan Selangor bertitah agar keperluan masyarakat itu sentiasa dijaga

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LANGAT

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan kerajaan negeri dan Pusat tidak terlepas pandang aspek kemudahan kepada masyarakat Orang Asli.

Titah baginda, kerajaan perlu memastikan keperluan asas masyarakat Orang Asli seperti jalan raya, air, elektrik, klinik kesihatan dan sekolah dapat terus disediakan serta diselenggara dengan baik.

"Kerajaan negeri khususnya perlulah peka terhadap keperluan dan bersedia membantu untuk pembangunan serta kemajuan masyarakat Orang Asli di Selangor.



Sultan Sharafuddin (kiri) melancarkan Buku Orang Asli Mah Meri bertajuk *Moyang-Spirit of Carey Island* di Kuala Langat pada Isnin.

"Beta tidak mahu masyarakat Orang Asli ini dibiarkan ketinggalan daripada arus pembangunan," titah baginda pada Majlis Pelancaran Buku Orang Asli Mah Meri bertajuk *Moyang-Spirit of Carey Island* di Amverton Cove, Golf & Island Resort Pulau Carey di sini pada Isnin.

Keberangkatan baginda diiringi Tengku Permaisuri Selangor, Tengku

Permaisuri Norashikin; Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Pada majlis sama, baginda turut mengingatkan kerajaan agar memantau aspek kesihatan dan kebersihan kampung Orang Asli.

"Beta mahu setiap kampung Orang Asli kekal bersih serta bebas dari wabak penyakit," titah baginda.



SINAR HARIAN

Tarikh:20 AUG 2024.....

Kuala Selangor: Enam kompaun dikeluarkan Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS) dalam operasi bersepadu premis warga asing di Saujana Utama, Sungai Buloh pada Khamis lalu.

Operasi yang bermula jam 9.30 pagi hingga 2.30 petang itu menyaksikan sebuah premis diarah tutup dan dua lagi disita.

Ia disertai 52 kakitangan dan dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis Diraja Malaysia, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor serta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

MPKS dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasa melakukan operasi itu yang bertujuan untuk semakan dan membanteras aktiviti penyalahgunaan lesen perniagaan kepada warga asing.

"Sebanyak 11 premis diperiksa melibatkan perniagaan kedai runcit, restoran dan bengkel.

"Kompaun yang dikeluarkan membabitkan kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen, ke-



ANGGOTA penguat kuasa menjalankan operasi bersepadu ke atas premis warga asing di Saujana Utama, Sungai Buloh. 4m 20/8

OPERASI BERSEPADU PREMIS WARGA ASING

Satu ditutup, 2 lagi kena sita

bersihan premis dan gagal mempamerkan lesen perniagaan," katanya.

Menurutnya, JKDM Zon Tengah II (Selangor) turut

membuat sitaan rokok putih sebanyak 44 katon bersamaan 8,508 batang dan 39 katon rokok kretek membabitkan 6,640 ba-

tang.

Semua barang kes dibawa ke Pejabat Kastam Pelabuhan Utara untuk siasatan lanjut.

HARIAN METRO

Tarikh: 20 AUG 2024

Siasatan telus babit dakwaan kakitangan kurang ajar

Putrajaya: Siasatan menyeluruh dan telus akan dibuat susulan aduan awam yang mendakwa kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) di bahagian kaunter bersikap kurang ajar dengan dua wanita dipercayai warga India.

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya sedia maklum berhubung aduan yang tular menerusi video di Tik Tok, baru-baru ini.

"Difahamkan, kejadian

itu berlaku di Bahagian Visa dan Permit di Pejabat Imigresen Putrajaya. Justeru, kami akan ambil keterangan pegawai bertugas dan orang awam yang berada di bahagian berkenaan ketika kejadian.

"Tindakan itu adalah bagi memastikan siasatan dijalankan secara menyeluruh dan adil selain mengesan sekiranya ia ada berlaku," katanya pada sidang media di Kompleks Setia Perkasa, semalam.

Ruslin berkata, pihaknya



HM
20/8

Kejadian iberlaku di Bahagian Visa dan Permit di Pejabat Imigresen Putrajaya. Kami akan ambil keterangan pegawai bertugas dan orang awam yang berada di situ ketika kejadian"

Ruslin

memandang serius setiap aduan diterima daripada orang awam.

"Setiap aduan kami pandang serius dan ambil tindakan segera meskipun ada aduan diterima tiada maklumat lanjut berkaitan pengadu.

"Ini kerana, kami tidak mahu kes yang berlaku menjejaskan imej JIM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN)," katanya.

Beliau berkata, setiap pegawai Imigresen yang bertugas di bahagian

kaunter perlu mengikuti prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan dalam melayan pelanggan.

"Setiap pegawai Imigresen dilatih menerusi kursus asas selama empat bulan sebelum berkhidmat dalam jabatan selain menyertai kursus lain sepanjang perkhidmatan mereka.

"Apabila bertugas di bahagian kaunter, pegawai (Imigresen) kena ada kemahiran berkomunikasi bagi mengelak salah fa-

ham.

"Disebabkan itu, kami tidak beratkan isu ini. Sekiranya berlaku salah laku (dalam aduan ini), tindakan akan diambil," katanya.

Terdahulu, satu rakaman video memaparkan seorang wanita yang mendakwa pegawai Imigresen di Bahagian Visa dan Permit di Pejabat Imigresen Putrajaya bertindak kurang ajar serta biadab terhadap dua wanita dipercayai warga India.

HARIAN METRO

Tarikh: ...2...0...AUG...2024..

Sokong aspirasi jadi 20 negara teratas dalam teknologi AI

Shah Alam: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu semua pihak menyokong dan memainkan peranan dalam menjayakan aspirasi Malaysia untuk menjadi antara 20 negara teratas dalam teknologi kecerdasan buatan (AI).

Bagi tujuan itu, beliau mahu para penyelidik, pembangun dan pembuat keputusan bekerjasama untuk membangunkan teknologi terkait AI dan mengaplikasikannya secara bertanggungjawab dan beretika.

"Kita telah bersetuju membantu membangunkan ekosistem AI negara dari segi membina pusat kecemerlangan bagi memudahkan pembelajaran dan penyelidikan AI, termasuk membina sis-

tem pengkomputeran 'awan' AI Malaysia sendiri.

"Dalam masa sama, saya juga ingin tegaskan bahawa nilai-nilai manusia, perlindungan data dan penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, semuanya terkesan serta diberi makna yang baharu oleh teknologi ini," katanya dalam ucapan perasmian Persidangan Antarabangsa Inovasi dan Keusahawanan Dalam Pengkomputeran, Kejuruteraan dan Pendidikan Sains (InVENT 2024) di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam di sini, semalam.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Mustapha Sakmud. Anwar berkata, di sebalik pe-

"Kita telah bersetuju membantu membangunkan ekosistem AI negara dari segi membina pusat kecemerlangan bagi memudahkan pembelajaran dan penyelidikan AI"

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim

ranan AI dalam membantu meningkatkan kualiti hidup, kecekapan dan kreativiti manusia, aplikasi moden serta dinamik itu juga mempunyai sisi gelap yang

perlu disedari oleh masyarakat.

Perdana Menteri berkata, teknologi 'deep fake' berupaya menghakis kepercayaan kepada realiti digital dan secara asasnya mengubah persepsi masyarakat terhadap realiti, mengancam integriti maklumat dan menimbulkan kekeliruan.

Beliau berkata, pendekatan umum kerajaan adalah untuk meminimumkan risiko dengan cara mengenal pasti risiko yang berkait dengan impak AI ke dalam masyarakat dan kehidupan rakyat.

"Namun dalam masa sama, kita memerlukan dasar dan undang-undang demi mengelakkan isu ketirisan tatakelola AI," katanya.

Anwar turut menyentuh mengenai bidang kawal selia dan Malaysia kini terlibat secara aktif dalam membentuk kerjasama ekonomi digital di peringkat Asean, antaranya Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital (DEFA) selain Rang Undang-Undang Keselamatan Siber 2024 yang dibentangkan Mac lalu.

Perdana Menteri berkata, Jabatan Perlindungan Data Peribadi juga sedang dalam peringkat akhir merangka rang undang-undang untuk meminda Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) selain rang undang-undang perkongsian data nasional yang sedang digubal oleh Jabatan Digital Negara (JDN).

HARIAN METRO

Tarikh 20 AUG 2024

Kuala Lumpur: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd berjaya meraih RM1.2 bilion melalui terbitan sukuk keenam dan juga bahagian terbesar Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab Kelestarian Air Selangor (SRI KAS).

Penyedia perkhidmatan air itu berkata penerbitan sukuk tersebut yang terdiri daripada empat siri dengan tempoh matang antara 10 hingga 25 tahun, menandakan selesainya penerbitan ketujuh setakat ini di bawah program sukuk murabahah bernilai RM10 bilion.

"Kami sangat gembira dengan hasil dan sokongan padu daripada pelabur kerana ia telah mencatatkan lebih langganan yang luar biasa sebanyak 4.95 kali.

TERBITAN SUKUK KEENAM

Air Selangor raih RM1.2b

"Ia adalah bukti keyakinan berterusan para pelabur terhadap Air Selangor dan pengiktirafan serta sokongan mereka terhadap agenda kelestarian kami," kata Ketua Pegawai Eksekutif Adam Saffian Ghazali dalam satu kenyataan.

Beliau berkata hasil daripada penerbitan itu akan membolehkan Air Selangor selari dengan aspirasi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (Petra).

"Ia akan memantapkan

lagi pelaburan dalam meningkatkan margin rizab air, mengurangkan air buangan hasil dan memastikan operasi infrastruktur air kami yang berterusan, lebih cekap dan lebih mesra alam," tambahnya.

Disokong oleh pesanan kukuh yang berjumlah RM5.9 bilion, tawaran sukuk tersebut meningkat 20 peratus daripada RM1 bilion kepada RM1.2 bilion, menurut Air Selangor.

"Sokongan ini telah menjadikan sukuk SRI KAS

keenam Air Selangor sebagai standard baharu untuk terbitan sukuk AAA. Hasilnya akan digunakan untuk membiayai projek-projek yang layak selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan yang menjadi keutamaan kami serta Rangka Kerja Sukuk Kelestarian Pembangunan Mampan kami," katanya.

Program sukuk murabahah, di bawah terbitan SRI KAS disahkan masing-masing mendapat penarafan jangka panjang dan jangka pendek AAA dengan prospek stabil dan P1 oleh RAM Rating Services Sdn Bhd pada 11 September, 2023.

"Kami sangat gembira dengan hasil dan sokongan padu daripada pelabur"

Adam

HARIAN METRO
Tarikh: ..2..0..AUG..2024..



KEADAAN di UTC, Komtar, George Town semalam kelihatan tenang kerana pelanggan tidak perlu menunggu lama untuk berurusan.

Perkhidmatan kaunter pejabat kerajaan semakin baik ekoran kenaikan gaji 10 minit selesai urusan kerajaan

Oleh MUHAMMAD NAJIB AHMAD
FUAD, NOOR HASLIZA NUSI,
OTHMAN YAHAYA dan KAMALIZA
KAMARUDDIN

PETALING JAYA – Urusan di kaunter pejabat-pejabat kerajaan di seluruh negara bertambah baik dan berjalan lancar dengan pelanggan tidak menanti lama berurusan, selain prestasi kerja kakitangan awam juga semakin baik susulan pengumuman kenaikan gaji baharu, Jumaat lalu.

Tinjauan di beberapa kaunter perkhidmatan kerajaan menyaksikan kesemuanya dibuka bagi mengurangkan kesesakan selain meningkatkan mutu kerja serta penyampaian kepada masyarakat.

Di **Putrajaya**, rata-rata pengunjung yang hadir di Pejabat Pasport Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Shaftsbury Putrajaya berpuas hati apabila tempoh menunggu kurang daripada 10 minit tanpa perlu beratur.

Seorang peniaga, R. Kumar, 49, berkata, dia amat bersyukur

selepas proses bagi mengambil pasport adalah sangat singkat pada kali ini.

Katanya, sebelum ini dia pernah membuat urusan di beberapa pejabat JIM di sekitar Lembah Klang yang agak lama bagi pengambilan pasport, namun semalam adalah sangat berbeza dan ia sangat memudahkan urusan.

"Hari ini (semalam) saya nampak sistem adalah lebih baik dengan semua kaunter dibuka, tak sampai 10 minit urusan saya sudah selesai," katanya.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim Anwar mengumumkan bahawa secara purata, penjawat awam negara ini bakal menerima kenaikan gaji melebihi RM500 selepas berlaku pelarasan gaji baharu.

Sementara itu tinjauan yang dibuat di **Sungai Petani, Kedah** mendapati, peningkatan perkhidmatan awam yang disediakan di beberapa kaunter di Pusat Transformasi Bandar (UTC) menampakkan perubahan dan



SEBAHAGIAN pelanggan mendapatkan perkhidmatan di kaunter JPN di UTC Kuala Terengganu semalam.

disenangi pelanggan yang datang untuk berurusan.

Seorang pelanggan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Sham-hawaruddin Samah, 39, berkata, dia hanya mengambil masa kurang 20 minit untuk membuat permohonan mendapatkan MyKid anaknya yang berusia setahun tujuh bulan.

"Banyak kaunter yang dibuka dan urusan saya menjadi cepat. Kakitangan di sini juga memberikan layanan yang baik ketika menguruskan permohonan," katanya.

Di **George Town, Pulau Pinang**, suasana di kaunter UTC Pulau Pinang di Kompleks Tun Abdul Razak (Kotmar) juga ber-

jalan lancar dan pelanggan dilihat tidak perlu menunggu giliran yang lama.

Seorang jururawat, Siti Faizah Abu Bakar, 38, berkata, semalam merupakan hari paling 'indah' buat dirinya apabila memulakan kerja dengan semangat luar biasa.

"Sepanjang 12 tahun bekerja, ini merupakan kenaikan kali yang kedua. Jadi, semangat dan budaya kerja itu nampak lain," katanya.

Di **Kuala Terengganu**, Terengganu, pula seorang suri rumah, Nurulhuda Abdul Basri, 46 berkata, urusannya untuk mendapatkan salinan sijil kelahirannya yang sudah terlalu lama dan terkoyak berjalan lancar tanpa menunggu terlalu lama di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) di UTC Kuala Terengganu.

"Mula-mula agak risau juga perlu menunggu lama, tetapi alhamdulillah, urusan saya selesai dalam tempoh tidak sampai 15 minit," ujarnya.

KOSMO

Tarikh: 20 AUG 2024

Air Selangor terbit SRI KAS terbesar RM1.2 bilion

PETALING JAYA – Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) mengumumkan kejayaan menerbitkan SRI Sukuk Kelestarian Air Selangor (SRI KAS) tranche ke-6 dan terbesarnya bernilai RM1.2 bilion.

Terbitan ini merangkumi empat siri dengan tempoh daripada 10 ke 25 tahun menandakan lengkapnya terbitan terkini ke-7 Air Selangor di bawah Program Sukuk Murabahah RM10 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali berkata, untuk terbitan tersebut, terdapat minat yang luar biasa dilihat daripada permulaan pengumuman terbitan sehingga mencatatkan lebih daripada 4.95 kali ganda semasa buku ditutup.

"Kami sangat gembira dengan hasil dan sokongan padu pelabur seperti yang ditunjukkan dalam lebih daripada 4.95 kali ganda."

"Ini adalah bukti keyakinan berterusan pelabur terhadap kredit dan pengiktirafan Air Selangor serta sokongan mereka terhadap agenda



AIR SELANGOR membangunkan pelbagai projek pengurusan lestasi untuk memastikan sistem bekalan air terus lancar. – GAMBAR HIASAN

kemampanan kami.

"Hasil daripada terbitan tersebut, usaha kami itu kini selari dengan aspirasi Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) dan seterusnya mengukuhkan pelaburan dalam peningkatan margin rizab air, mengurangkan hasil bukan daripada

air dan memastikan operasi infrastruktur air kami berterusan, lebih cekap dan hijau," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

Adam Saffian menjelaskan, disokong oleh permintaan kukuh yang diagregatkan kepada jumlah signifikan RM5.9 bilion, tawaran itu meningkat sebanyak 20 peratus daripada RM1

bilion kepada RM1.2 bilion.

Sokongan luar biasa ini telah menjadikan SRI KAS ke-6 Air Selangor sebagai piawaian baharu untuk terbitan Sukuk AAA.

Hasil daripada SRI KAS ini juga akan digunakan untuk membiayai projek yang layak selaras dengan keutamaan Matlamat Pembangunan Mampan Air Selangor dan Rangka Kerja Sukuk Kelestarian Pembangunan Mampannya.

Projek-projek ini termasuk inisiatif bekalan air lestari dan pelbagai projek pengurusan air lestari termasuk inisiatif tenaga boleh diperbaharui yang mengukuhkan komitmen Air Selangor untuk memastikan kelestarian sistem bekalan air untuk generasi akan datang.

Program Sukuk Murabahah di mana SRI KAS dikeluarkan telah mengesahkan penarafan jangka pendek AAA masing-masing dengan prospek stabil dan P1+ oleh RAM Rating Services Sdn Bhd pada 11 September 2023.

Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) merupakan Penasihat Utama, Penyusun Utama dan Penasihat Syariah bagi Program Sukuk Murabahah.

Bank Islam dan CIMB Investment Bank Berhad adalah Pengurus Utama Bersama bagi terbitan SRI KAS Air Selangor dan kedua entiti tersebut memainkan peranan penting dalam kejayaan syarikat tersebut.



“

Kami sangat gembira dengan hasil dan sokongan padu pelabur seperti yang ditunjukkan dalam lebih daripada 4.95 kali ganda."

ADAM SAFFIAN

KOSMO

Tarikh: 20 AUG 2024



SULTAN SHARAFUDDIN dan Tengku Permaisuri Norashikin melihat persembahan tradisi Mah Meri di Pulau Carey, Kuala Langat semalam. - SADDAM YUSOFF

Sultan Selangor mahu masyarakat itu dijaga

Orang Asli di Selangor tidak boleh tertinggal

30/8 kosmo

Oleh ABDUL RAZAK IDRIS

KUALA LANGAT - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menitahkan agar keperluan dan kebajikan masyarakat Orang Asli sentiasa diambil berat oleh semua pihak.

Tegas baginda, ini termasuk kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jako) dapat memberi bantuan dan bimbingan kepada masyarakat tersebut dalam menjalani kehidupan seharian serta sama-sama menikmati pembangunan dan kemajuan dengan cara tersendiri.

Sultan Sharafuddin menjelaskan supaya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor memastikan keperluan asas seperti jalan raya, air, elektrik, klinik kesihatan dan sekolah dapat terus disediakan dan diselenggara dengan baik dan sem-

purna.

"Kerajaan negeri Selangor khususnya perlulah peka terhadap keperluan masyarakat Orang Asli dan bersedia membantu untuk pembangunan dan kemajuan masyarakat berkenaan di Selangor.

"Beta tidak mahu masyarakat Orang Asli di Selangor ini dibiarkan ketinggalan dari arus pembangunan," titah baginda ketika melancarkan Buku Orang Asli Mah Meri bertajuk Moyang-Spirit of Carey Island semalam.

Turut berangkat hadir adalah Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin dan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Sultan Sharafuddin turut mengingatkan kerajaan juga harus memainkan peranan penting untuk memastikan kesiha-

tan warga Orang Asli dan kebersihan perkampungan mereka sentiasa di tahap yang baik.

"Beta tidak mahu ada menganggap kewujudan orang Asli tidak relevan lagi dalam usaha mengejar kemajuan negara.

"Beta mahu setiap perkampungan Orang Asli kekal bersih di samping alam semula jadi yang terpelihara serta bebas dari wabak penyakit," titahnya.

Sultan Sharafuddin turut mencadangkan supaya artifak penting Orang Asli terutamanya yang telah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu dibeli kerajaan Selangor.

"Ini supaya khazanah Orang Asli di negeri ini yang berharga tidak terlepas ke luar serta dapat diletakkan di tempat yang sesuai," ujar baginda.

KOSMO

20 AUG 2024

Tarikh:



ANWAR (tengah) ketika gimik peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya semalam. - FAISOL MUSTAFA

PuTERA35 martabat ekonomi bumiputera

Elak jadi pengkhianat lebih besar – PM

Oleh MUHAMMAD NAJIEB AHMAD FUAD

PUTRAJAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi amaran bahawa mana-mana pihak yang mengurus serta mengendalikan agensi bumiputera akan dianggap pengkhianat besar jika merosakkan agensi itu dengan tatakelola yang rendah.

Jelasnya, ini termasuk menggunakan agensi dan peluang itu untuk memperkaya diri dan kelompok mereka sehingga melupakan agenda penting meningkatkan bumiputera.

"Mereka yang melaksanakan agenda bumiputera mesti melihat secara terperinci dan melaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan cekap," katanya dalam ucapan pada Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 di sini semalam.

Dalam pada itu, Anwar mahu

pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dipantau lebih dekat supaya berjaya memartabatkan bumiputera dan rakyat keseluruhannya tanpa meminggirkan kaum lain.

Pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan beliau sendiri selain bakal menjadi dokumen baharu mengangkat darjat dan martabat bumiputera bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Beliau turut menggesa semua agensi, kementerian dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membuat pemantauan itu supaya ia mencapai hasil yang disasarkan demi pembangunan negara.

"PuTERA35 ini perlu, kita nak merancang (pembangunan negara) tetapi tanggungjawab saudara daripada agensi kerajaan, syarikat kerajaan, jabatan dan ke-

menterian untuk menjayakannya.

"Kita akan pantau dari dekat dan kita mahu program dan pelan ini berjaya untuk memartabatkan bumiputera dan rakyat Malaysia," katanya.

PuTERA35 adalah agenda bumiputera yang amat diharapkan dengan memberi tumpuan kepada setiap elemen bumiputera dari pelbagai latar belakang dan peringkat di negara ini.

Ia disokong tiga teras iaitu memperkukuh pasak ekonomi negara, memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi serta menegakkan keadilan sosial.

Selain itu, ia turut disokong 12 pamacu dan 132 ikhtiar yang komprehensif, berani dan berpandangan jauh serta lebih inklusif, iaitu satu anjakan besar dalam membawa pembangunan bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

KOSMO

Tarikh: 20 AUG 2024

Perlukan undang-undang elak ketirisan tatakelola AI



MUSTAPHA (kanan) melawat reruai pameran pada majlis perasmian (InVENT) di UITM Shah Alam semalam.

2016 koseno
SHAH ALAM – Dasar dan undang-undang diperlukan bagi mengelakkan isu ketirisan tatakelola di sebalik pemerksaan dan penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI).

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendekatan umum adalah meminimumkan risiko yang berkaitan dengan impak AI ke dalam masyarakat dan kehidupan.

Menurut beliau, perlunya kesedaran tentang sisi gelap AI dengan teknologi pemalsuan menghakis kepercayaan terhadap realiti digital seperti berita palsu yang mengubah persepsi, mengancam integriti maklumat

dan menimbulkan keraguan.

"Kini, semakin sukar untuk dibezakan antara yang sebenar dengan yang palsu di alam maya.

"Disebabkan oleh kesan AI, kita dengan mudah kehilangan keupayaan untuk mengenal pasti sumber yang boleh dipercayai.

"Ringkasnya, impak positif yang tercetus dari AI juga datang bersama-sama dengan risikonya yang tertentu," katanya.

Teks ucapan Perdana Menteri tersebut dibacakan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud sempena Persidangan Antarabangsa Inovasi dan Keusahawanan dalam Perkomputeran,

Kejuteraan dan Pendidikan Sains (InVENT) 2024 di Dewan Agung Tuanku Canselor, Universiti Teknologi Mara (UITM), di sini semalam.

Anwar turut membangkitkan isu-isu fundamental terhadap AI perlu diselesaikan seperti jaminan perlindungan data, standard etika diperlukan untuk pembangunan dan penggunaan serta memastikan ia kekal mudah diakses dan adil untuk semua lapisan masyarakat.

Dalam pada itu, beliau menyeru semua pihak supaya menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi antara 20 negara teratas dalam teknologi AI.

KOSMO

Tarikh: **20 AUG 2024**

Sultan Selangor titah kerajaan, swasta penuhi keperluan Orang Asli

Kuala Langat: Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, semalam, melancarkan buku Orang Asli Mah Meri bertajuk *Moyang-Spirit of Carey Island* di Pulau Carey di sini, semalam.

Majlis itu sepatutnya dibuat di Perkampungan Budaya Mah Meri di Kampung Sungai Bum-bun, Pulau Carey tetapi tidak dapat diadakan kerana berlaku banyak kerosakan akibat dilanda ribut.

Susulan itu, baginda menggesa pihak kerajaan dan swasta dapat memberi bantuan sewajarnya bagi membina dan memperbaiki semula Perkampungan Budaya Mah Meri itu supaya

kembali menjadi tempat sesuai dikunjungi masyarakat dan pelancong asing yang ingin mengenali dan merasai perkampungan Orang Asli di Pulau Carey.

"Beta tidak mahu masyarakat Orang Asli di Selangor dibiarkan ketinggalan daripada arus pembangunan, selain perlu menjaga aspek kesihatan dan kebersihan perkampungan Orang Asli," titah baginda pada majlis yang turut dihadiri Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Muda Selangor, Tengku Amir Shah dan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari.



Sultan Sharafuddin berkenan melancarkan Buku *Moyang: Spirit People of Carey Island* di Pulau Carey, semalam. Yang hadir sama, Amirudin (dua dari kanan); Pengerusi Yayasan Budi, Tan Sri Rais Yatim serta penulis buku, Rashid Esa di Pulau Carey, Kuala Langat, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

BERITA HARIAN

Tarikh.....2...0...AUG...2024...

'Jangan ada pihak cuba rosakkan agensi urus agenda Bumiputera'

20/6 BH

Institusi, pegawai diberi amanah diingat laksana tugas sebaik mungkin

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan institusi dan pegawai yang menguruskan agenda Bumiputera supaya melaksanakan tugas dengan bersungguh-sungguh bagi memastikan matlamat yang dihasratkan tercapai.

Beliau memberi amaran agar jangan ada perbuatan yang 'merosak dan menyalahgunakan' agensi tertentu demi kepentingan mereka sendiri serta mengumpul dan memburu kekayaan.

"Mereka yang melaksanakan agenda Bumiputera mesti melihat secara terperinci setiap inisiatif dan melaksanakannya dengan penuh rasa tanggungjawab dan cekap," katanya ketika berucap melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35), di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid; Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli; Menteri Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta menteri Kabinet lain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menegaskan, PuTERA35 yang diperkenalkan kerajaan semalam adalah anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau.

Beliau berkata, selaras penderaan masa, negara memerlukan satu pelan baharu yang akan memacu agenda Bumiputera ke tahap yang lebih baik serta lebih jelas.

"Negara harus dipacu dengan tahap kelajuan yang lebih meyakinkan dan dalam masa sama, negara masih bertapak kepada kenyataan bahawa pemacuan ini tidak harus meminggirkan mana-mana pihak.

"Kerangka pemikiran bahawa pemacuan ekonomi itu harus bersama dengan penyertaan seluruh rakyat tanpa meminggirkan mana-mana suku kaum atau wilayah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, menerusi PuTERA35, kerajaan menetapkan sasaran baharu dalam aspek penyertaan, pemilihan dan penguasaan Bumiputera.

Ia merangkumi peningkatan penyertaan Bumiputera kepada 70 peratus menjelang 2035 dari 61 peratus pada 2022.

Tingkat pemilikan ekuiti

Pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat Bumiputera disasar ditingkatkan kepada 30 peratus daripada 18.4 peratus pada 2020.

"Penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) juga disasarkan meningkat kepada 20 pe-



Anwar bersama Ahmad Zahid dan Rafizi ketika Majlis Peluncuran Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

ratus daripada 18.7 peratus pada 2020," katanya.

Selain itu, kerajaan menyasarkan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada 15 peratus menjelang 2035 berbanding 8.1 peratus pada 2022.

Pelan itu juga menetapkan sasaran lebih tinggi kepada 97 peratus penyertaan siswazah Bumiputera dalam pasaran tenaga buruh daripada 85 peratus setakat 2022.

Pengukuran dan sasaran baharu Bumiputera di bawah PuTERA35 dibangunkan selaras dengan sasaran di bawah Kerangka Ekonomi MADANI dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Sasaran baharu Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35)

- Penyertaan Bumiputera kepada 70 peratus menjelang 2035 daripada 61 peratus pada 2022.
- Pemilikan ekuiti individu dan agensi mandat Bumiputera disasar ditingkatkan kepada 30 peratus daripada 18.4 peratus pada 2020.
- Penyertaan dan penguasaan Bumiputera melalui ekuiti GLC dan GLIC disasarkan meningkat kepada 20 peratus daripada 18.7 peratus pada 2020.
- Menyasarkan sumbangan perusahaan Bumiputera kepada KDNK meningkat kepada 15 peratus menjelang 2035 berbanding 8.1 peratus pada 2022.
- Sasaran penyertaan 97 peratus siswazah Bumiputera dalam pasaran tenaga buruh daripada 85 peratus setakat 2022.

BERITA HARIAN
Tarikh.....2..0..AUG...2024...

Kerajaan sokong tingkat AI di sektor perbankan

20/8 BH

Sektor perbankan Malaysia menerima sokongan padu dan rangsangan dari kerajaan untuk meningkatkan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dalam industri berkenaan.

Ketua Pegawai Penerangan Bank Simpanan Nasional, Lee Li Foon, berkata walaupun penggunaan AI dalam sektor itu masih di peringkat awal, terdapat peningkatan ketara yang membolehkan kerjasama antara pemain industri dan kerajaan untuk belajar daripada satu sama lain.

"Kerajaan telah pun menerajui Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan (Pelan Hala Tuju AI) yang saya percaya memberikan kami peluang yang besar dalam mengukuhkan garis panduan AI perbankan.

"Kami akan dapat melihat apa yang berkesan, apa yang toksik, apa yang bersifat halusinasi selain apa itu fakta sebenar," katanya kepada **BERNAMA** pada persidangan International Business Machines Corporation (IBM) Think 2024 yang diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2024.

Persidangan yang bertemakan 'Skala AI untuk Perniagaan Mempercepatkan Inovasi dan Produktiviti' bertujuan meninjau bagaimana AI mampu membuka kunci potensi dalam ekonomi ASEAN.

Pengarah Urusan Bank Islam Malaysia Bhd, Shahariz Abdul Aziz, yang turut menghadiri acara itu, menjelaskan antara satu cabaran yang dihadapi oleh industri perkhidmatan kewangan ialah ketepatan data.

Dalam industri itu, ketepatan data perlu berada pada 100 peratus kerana ia membolehkan berurusan dengan pelanggan.

"Jadi pada asasnya, apa yang saya lihat sebagai peluang terbesar adalah hal di belakang tabir (kerja pentadbiran), terutamanya dari segi menjadikan sesuatu proses menjadi lebih cekap dan automatik. Memandangkan kami berurusan dengan begitu banyak maklumat, perkara sentiasa berubah tetapi jangkaan pelanggan adalah tinggi.

"Antara kes penggunaan yang signifikan ialah meminta kaitan jualan menggunakan AI bagi melengkapkan diri mereka dengan semua pengetahuan yang diperlukan untuk berurusan dengan pelanggan secara lebih berkesan," katanya sambil menambah ini akan membantu perkhidmatan pelanggan berfungsi dengan cekap dan membolehkan perhubungan yang lebih bermakna dengan pelanggan.

BERNAMA

BERITA HARIAN

Tarikh.....2.0.AUG.2024.....

PuTERA35 angkat martabat Bumiputera jadi lebih produktif

2018 BH

Pelan tingkat penyertaan dalam aktiviti R&D, inovasi dan tenaga kerja berkemahiran tinggi

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Putrajaya: Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam menzahirkan komitmen kerajaan untuk mengangkat martabat Bumiputera agar sejajar dengan aspirasi Ekonomi MADANI.

Bertemakan 'Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan (3P) Bumiputera', PuTERA35 bermatlamat mencipta nilai melalui pendekatan yang lebih produktif dan bersepadu bagi mendorong Bumiputera untuk terus berkembang maju.

ia bakal memainkan peranan lebih signifikan dalam pembangunan sosioekonomi negara dan memiliki asas ketahanan yang kukuh dalam mendepani segala isu dan cabaran.

Kementerian Ekonomi berkata, PuTERA35 dijangka meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), inovasi serta sebagai tenaga kerja berkemahiran tinggi.

"PuTERA35 disokong oleh tiga Teras, 12 Pemacu dan 132 Ikhtiar yang komprehensif, berani dan berpandangan jauh. Dalam masa sama, ia lebih inklusif menjadi anjakan besar dalam membawa pembangunan Bumiputera ke arah menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi serantau."

"Perincian program dan projek bagi setiap Ikhtiar, yang meliputi jangka masa pendek, sederhana dan panjang di bawah PuTERA35 akan disediakan oleh agensi pelaksana yang berkaitan dan diselaras oleh Kementerian yang dikenali pasti," katanya.

Menurut Kementerian Ekonomi, ketiga-tiga teras yang berbentuk struktur itu adalah asas penting kepada kemampuan sosioekonomi, keutuhan tatakelola dan institusi serta keadilan sosial.

Dalam Teras 1 untuk memperkukuh pasak ekonomi negara, sejumlah lima Pemacu dan 71 Ikhtiar telah dikenal pasti bagi memperkukuh teras ekonomi melalui penguasaan ekonomi, peningkatan daya saing dan penskalaan,

pembangunan bakat dan pemer-kasaan ekosistem pendidikan, penciptaan kekayaan dan peningkatan pemilikan ekuiti.

"Setiap pemacu ini dilengkapi dengan ikhtiar dan pelan tindakan yang komprehensif bagi menangani isu dan cabaran utama yang telah dikenal pasti."

"Pemacu ini berupaya memberikan sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara dan mempertingkatkan daya saing perusahaan Bumiputera pada peringkat global serta memperkukuh penciptaan kekayaan," katanya.

Bagi Teras 2 untuk memper-teguh kerukunan tatakelola dan institusi pula, sejumlah tiga Pemacu dan 20 Ikhtiar dikenal pasti dalam memperteguh kerukunan tatakelola dan institusi melalui penyampaian perkhidmatan dan tatakelola; penyertaan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC); serta penghayatan dan falsafah Bumiputera.

"Pemacu ini memainkan peranan penting dalam memperkukuh kerjasama dan keharmonian dalam kalangan semua pihak untuk memastikan keseluruhan ekosistem perniagaan dimanfaatkan bagi menyokong pelaksanaan agenda Bumiputera," kata Kementerian Ekonomi.

Dalam Teras 3 untuk menegakkan keadilan sosial, empat Pemacu dan 41 Ikhtiar dikenal pasti melalui usaha membasmi kemiskinan tegar, memperkukuh sistem perlindungan sosial, membangunkan sosioekonomi Orang Asli dan memperkukuh pembangunan Sabah dan Sarawak.

Rapatkan jurang ekonomi

Pemacu terbabit memberi tumpuan untuk mengukuhkan pembangunan wilayah yang lebih seimbang, merapatkan jurang ekonomi dan infrastruktur serta mencapai matlamat pendekatan baharu dalam agenda Bumiputera yang lebih adil, saksama dan inklusif.

Langkah strategik melalui PuTERA35 turut membabitkan GLC, GLIC dan syarikat swasta bukan sahaja mampu memberi manfaat langsung kepada negara dan Bumiputera, malah kumpulan minoriti bukan Bumiputera yang memerlukan tanpa menghiraukan mana-mana pihak.

"Pelaksanaan PuTERA35 memerlukan jangka masa yang berbeza, merentas tempoh 10 tahun sehingga 2035."

"Mengambil kira trend mega yang dijangka mempengaruhi dunia dan masyarakat pada masa

hadapan, pelan transformasi ini dibangunkan bagi membuka ruang dan peluang kepada Bumiputera untuk memanfaatkan sektor dan industri yang diberi tumpuan oleh kerajaan, terutama industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (HGHV) dan berasaskan teknologi termaju."

"Tiga matlamat utama pelaksanaan PuTERA35 adalah membangunkan Bumiputera yang dinamik dan futuristik serta mampu mendepani isu dan cabaran semasa dan yang akan datang; menetapkan sasaran tahap penyertaan, pemilikan dan penguasaan ekonomi Bumiputera yang lebih bermakna dan membangunkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan melalui penetapan pihak yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan setiap ikhtiar," katanya.

Pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.

Peranan Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB) di semua kementerian juga akan diperkasa dan diberi tanggungjawab untuk membuat pelaksanaan dan pemantauan Ikhtiar secara rapi pada peringkat kementerian dan agensi.


Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera (PuTERA35)

Visi: Mengangkat Darjat dan Martabat Bumiputera			
TEMA	Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna		
TERAS	TERAS 1 MEMPERKUKUH PASAK EKONOMI NEGARA	TERAS 2 MEMPERTEGUH KERUKUNAN TATAKELOLA DAN INSTITUSI	TERAS 3 MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL
PEMACU	Penguasaan Ekonomi	Penyampaian Perkhidmatan & Tatakelola	Pembasmian Kemiskinan Tegar
	Peningkatan Daya Saing & Penskalaan	Penyertaan Syarikat Swasta, GLC dan GLIC	Penguatan Sistem Perlindungan Sosial
	Pembangunan Bakat & Pemer-kasaan Ekosistem Pendidikan	Penghayatan Falsafah Bumiputera	Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli
	Penciptaan Kekayaan		Penguatan Pembangunan Sabah dan Sarawak ke arah Keseimbangan Wilayah
	Peningkatan Pemilikan Ekuiti		
IKHTIAR	71	20	41

PuTERA35

PuTERA35 bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera selari dengan aspirasi Ekonomi MADANI

Sasaran Ekonomi MADANI - Asas kepada PuTERA35



PuTERA35 jamin kemakmuran dinikmati bersama

Putrajaya: Kerajaan komited memastikan agenda Bumiputera terus diberi keutamaan dalam setiap perancangan pembangunan sosioekonomi negara.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) tidak sama sekali akan menafikan hak kaum lain, sebaliknya mampu memberi kesan manfaat kepada semua kaum dalam aspek pembangunan dan kemajuan negara.

Justeru, katanya, kerajaan memperkenalkan hala tuju baharu pembangunan ekonomi Bumiputera menerusi PuTERA35

sebagai satu langkah proaktif untuk mengangkat darjat dan martabat Bumiputera.

"Masih ada ruang dan peluang untuk semua bermuhasabah dan berikhtiar dalam mencari solusi terbaik agar sosioekonomi Bumiputera menjadi lebih maju dan makmur."

"Ini dapat dilakukan melalui reformasi struktur ekonomi ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi," katanya pada Majlis Peluncuran PuTERA35 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di sini semalam.

Potensi, peluang lebih besar

Rafizi menegaskan, golongan Bumiputera mempunyai peluang dan potensi untuk memainkan peranan yang lebih bermakna dalam sektor dan industri baharu yang mempunyai nilai ditambah tinggi, termasuk industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi.

"Namun, masih terdapat pelbagai isu yang membelenggu Bumiputera pada hari ini, seperti status sosioekonomi yang masih terperangkap dalam kelas menengah dan sederhana serta penyertaan Bumiputera yang tertumpu dalam aktiviti ekonomi

yang mempunyai nilai ditambah yang rendah," katanya.

Katanya, hasrat kerajaan untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera juga belum tercapai sepenuhnya memandangkan perusahaan Bumiputera dilihat mempunyai kurang keupayaan dan kemampuan untuk mencipta nilai.

"Keterbatasan modal dan sokongan pada peringkat awal, terutama syarikat pemula, turut menjadi faktor kepada isu ini yang seterusnya menyebabkan kebergantungan berterusan kepada geran dan pembiayaan di-

keluarkan kerajaan.

"Sehingga 2022, Bumiputera hanya mewakili 7.0 peratus daripada syarikat tersenarai awam iaitu 62 syarikat daripada semua 945 syarikat yang tersenarai dalam Bursa Malaysia.

"Malah, dalam penyertaan tenaga buruh, kadar pengangguran dalam kalangan Bumiputera juga masih tinggi.

"Justeru, penetapan hala tuju baharu agenda pembangunan Bumiputera menuntut kita untuk melihat isu dan cabaran dari sudut pandang berbeza, sama ada di peringkat domestik atau global," katanya.

BERITA HARIAN
Tarikh... 20 AUG 2024

Kerajaan kaji laksana cukai karbon - Tengku Zafrul

Oleh HENDRA WINARNO
hendra.winarno@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan sedang mengkaji kaedah pelaksanaan cukai karbon dalam usaha menggalakkan pelaburan hijau dalam kalangan industri di negara ini, terutamanya melibatkan sektor yang membuat pelepasan karbon tinggi.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz berkata, pendekatan berbentuk ganjaran dan hukuman adalah penting dalam memastikan ketelusan dan persekitaran yang adil buat perniagaan.

Katanya, dari segi *stick* (hukuman), semua negara maju bergerak ke arah cukai karbon dan pihaknya sedang berbin-cang bersama Kementerian Kewangan (MoF) dan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam untuk melihat bagaimana ini boleh dilaksanakan.

"Ia telah dibincangkan pada Majlis Pelaburan Negara dan MoF telah diberi garis masa untuk melihat perkara ini dan mereka memerlukan lebih masa untuk mengkajinya secara holistik.

"Cuma untuk bagi idea, hanya satu sektor dari sektor pembuatan menyumbang hampir 25 peratus daripada



"Pendekatan stick perlu bagi memastikan syarikat-syarikat ini patuh (kepada usaha mengurangkan pembebasan karbon)."

TENGKU ZAFRUL ABDUL AZIZ

pembebasan karbon negara.

"Pendekatan *stick* perlu bagi memastikan syarikat-syarikat ini patuh (kepada usaha mengurangkan pembebasan karbon)," katanya pada sesi pengumuman Strategi Pelaburan Hijau (GIS) Malaysia di Menara MITI, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Tengku Zafrul memaklumkan cukai karbon tidak akan diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2025 yang dijadualkan pada 18 Oktober ini kerana

pelaksanaannya memerlukan masa dan masih dalam peringkat kajian.

Menurutnya, sekiranya cukai karbon tidak dibuat, syarikat tidak mempunyai insentif yang banyak bagi melaksanakan pelaburan untuk mengurangkan pembebasan karbon masing-masing, kerana ia melibat kos yang lebih tinggi.

"Jadi tidak ada persekitaran perniagaan yang adil, kos mereka akan menjadi lebih tinggi dan kurang kompetitif

berbanding syarikat yang tidak melabur dalam usaha mengurangkan pembebasan karbon," ujarnya.

Sementara itu, Tengku Zafrul berkata, MITI menasarkankan menarik pelaburan hijau bernilai RM300 bilion menjelang tahun 2030 menerusi GIS bagi mencapai komitmen pelepasan karbon sifar bersih Malaysia.

Katanya, Malaysia telah merealisasikan pelaburan hijau kira-kira RM40 bilion antara tahun 2017 dan 2023 dan kementerian merancang untuk meningkatkannya kepada RM300 bilion menjelang 2030.

"Ini adalah peningkatan sebanyak 7.5 kali ganda yang diperlukan dan selaras dengan Pelan Peralihan Tenaga Negara, yang bertujuan untuk mencapai RM300 bilion dalam dekad yang akan datang supaya kami dapat mencapai pelepas karbon sifar menjelang tahun 2050.

"Pelaburan hijau memerlukan beberapa langkah untuk meningkatkan pelaburan asing (FI) dan pelaburan domestik (DI).

"Jumlah pelaburan perlu ditingkatkan sebanyak kira-kira 7.5 kali ganda berbanding jumlah semasa untuk mencapai matlamat Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baru (NIMP)," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:2.0.AUG.2024



M. JAYAKUMARY

APABILA berkumandangnya lagu *Tanggal 31 Ogos*, apa yang terlintas dalam fikiran kita adalah hari kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Stadium Merdeka ataupun laungan merdeka sebanyak tujuh kali. Namun ada satu lagi peristiwa penting yang kita sering lupakan iaitu pengisytiharan Rukun Negara.

Pada 31 Ogos 1970, pemasyhuran Rukun Negara sebagai Pengisytiharan Diraja disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong keempat.

Pengisytiharan Rukun Negara dibuat ekoran daripada rusuhan kaum yang tercetus pada 13 Mei 1969. Dilaporkan 196 orang kehilangan nyawa, dengan ratusan orang lagi mengalami kecederaan. Kerosakan bangunan, tempat tinggal dan harta benda awam tidak perlulah disebut, dengan jumlahnya melangkaui ratusan kes.

Waima rusuhan tersebut berlaku di sekitar Kuala Lumpur dan beberapa kawasan di Perak dan Selangor sahaja, peristiwa hitam itu tetap membawa satu impak yang besar. Ekoran daripada insiden tersebut, Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan darurat di bawah Klausula 2 Perkara 5. Ordinan Darurat tersebut menghidupkan semula pelaksanaan undang-undang di bawah Kuasa Darurat 1966 untuk menghadapi sebarang konfrontasi serta memberi kuasa untuk menggubal undang-undang bagi meredakan situasi ketegangan yang berlaku.

Tetapi apa yang paling mengejutkan disebabkan peristiwa tersebut ialah penggantungan Parlimen dengan serta merta. Pentadbiran negara terpaksa diambil alih oleh sebuah jawatankuasa khas, Majlis Gerakan Negara (Mageran).

Langkah-langkah drastik ini terpaksa dilaksanakan demi mengembalikan ketenteraman dan keharmonian dalam negara pada ketika itu. Hakikatnya, insiden tersebut menyedarkan pelbagai pihak, terutama para pemimpin negara tentang betapa halusnya tali perpaduan dalam kalangan rakyat.

Maka, di bawah pimpinan Pengarah Mageran, Tun Abdul Razak Hussein, isu-isu berkaitan masalah perpaduan kaum diberikan

Raikan Rukun Negara, asas jiwa merdeka

2018 unison

Bahkan Rukun Negara membimbing ke arah pembentukan warganegara cemerlang, dengan jati diri dan semangat patriotik dalam diri."

perhatian teliti, di samping mengembalikan ketenteraman dan keharmonian dalam negara.

Antara usaha yang diambil ialah penubuhan Jawatankuasa Rukun Negara pada Mac 1970.

Jawatankuasa ini diketuai

oleh Tun Tan Siew Sin dan dianggotai seramai 11 orang pemimpin negara dari semua kaum. Hasil daripada perbincangan, dipersetujui untuk membentuk Rukun Negara melalui kertas *Pillars of Nation* (Rukun Negara). Tujuh tunjang utama yang ditekankan ialah ketuhanan, kesetiaan, keadilan, kewarganegaraan, keutuhan, kebahagiaan dan kesopanan.

Selepas melalui proses pemurnian terhadap draf tersebut, akhirnya Rukun Negara diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perundangan Negara, dengan beberapa pindaan pada awal Ogos 1970. Pada ulang tahun kemerdekaan ke-13, Rukun Negara diisytiharkan sebagai ideologi kebangsaan.

Rukun Negara merupakan intisari daripada Perlembagaan, undang-

undang tertinggi negara kita. Setiap matlamat dan prinsip Rukun Negara mengingatkan kita agar menghormati kontrak sosial yang dipersetujui oleh kaum-kaum utama sewaktu

Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan 1957 digubal.

Bahkan Rukun Negara membimbing ke arah pembentukan warganegara cemerlang, dengan jati diri dan semangat patriotik dalam diri.

Secara tidak langsung, Rukun Negara menjadi tali perpaduan antara masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya. Sikap hormati-menghormati, terutamanya menerima persamaan dan perbezaan yang wujud dengan minda terbuka.

Cuba elakkan diri kita

daripada terjerumus dalam sebarang konflik yang merugikan kita. Tidak tercatat langsung dalam sejarah manusia bahawa ada pihak yang mendapat kebaikan daripada perseteruan atau pertelingkahan. Bak kata peribahasa Melayu, kalah menjadi abu, menang menjadi arang.

FAHAMAN ETNOPOPULISME

Tetapi malangnya sejak kebelakangan ini, suasana keharmonian di negara ini semakin menipis. Perbuatan segelintir pihak menyebarkan fahaman etnopopulisme, iaitu pemisahan masyarakat mengikut kaum dan agama amat membimbangkan.

Sekiranya fahaman etnopopulisme ini tidak dibendung, ia mampu menghancurkan hubungan antara kaum. Lihatlah apa sedang berlaku di United Kingdom kini. Rusuhan berlaku di merata tempat kerana hilangnya semangat toleransi dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat di sana.

Mahukah kita berhadapan dengan situasi tersebut di sini? Sudah tentunya tidak! Oleh itu, marilah kita kembali semula mendalami dan menghayati Rukun Negara agar hubungan silaturahmi terus subur.

Dalam pada itu, tema Hari Kebangsaan ialah *Malaysia Madani: Jiwa Merdeka* bagi tahun ini. Tema ini amat bersesuaian dengan Rukun Negara yang menginginkan setiap rakyat Malaysia merdeka daripada segala sikap dan amalan yang tidak menguntungkan sesiapa pun.

Sebaliknya menanam nilai-nilai murni, inklusif dan progresif dalam diri agar kita dapat berganding bahu untuk mengukuhkan semangat kebersamaan dan kemakmuran bersama demi kestabilan tanah air tercinta.

Pendek kata, jadikanlah Rukun Negara sebagai panduan hidup kita bersama.

Selaras dengan prinsip kedua Rukun Negara, kesetiaan kepada raja dan negara, ayuh kita semarakkan Hari Kebangsaan tahun dengan mengibarkan Jalur Gemilang.

Bahawa kita berbangga menjadi rakyat Malaysia.

*Pohon ara di tepi perigi,
Tempat bermain si anak
angsa,
Rukun Negara dijulung tinggi,
Perpaduan kaum mekar
sentiasa.*

DR. M. Jayakumary ialah Pensyarah Akademik Jabatan Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Ipoh.



RUKUN Negara penting bagi memastikan keamanan, keselamatan, dan kedamaian negara terpelihara.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: ...2..D..AUG..2024....



RUBIAH Wang ketika majlis penutup program sentuhan Kasih Desa Madani KKDW di Putrajaya semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

Program Kembara Merdeka pupuk semangat patriotisme

PUTRAJAYA: Program Kembara Merdeka yang dianjurkan sempena Bulan Kebangsaan 2024 menjadi platform terbaik menyemarakkan semangat patriotisme dan rasa cinta kepada negara dalam kalangan komuniti desa.

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, Datuk Rubiah Wang berkata, pasukan kembara disertai 150 orang itu memulakan konvoi sembilan hari bermula 12 Ogos lalu.

Beliau berkata, konvoi itu berjaya merentasi 11 negeri di Semenanjung sejauh 1,545 kilometer (km) dengan membawa bendera Jalur Gemilang.

“Dengan menjadikan Memorial Pengisytiharan Kemerdekaan di Melaka sebagai garis permulaan, tujuan utama kembara ini adalah untuk menyampaikan mesej perpaduan dan taat setia serta cinta kepada tanah air.

“Program ini adalah bukti komitmen warga KKDW (Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah) untuk memperkukuhkan lagi ikatan persaudaraan dan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat desa,” katanya ketika berucap pada majlis perasmian penutup program Sentuhan Kasih Desa MADANI KKDW di sini semalam.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 AUG 2024

TEO KOK SEONG



Merdekakah pemikiran dan tindakan kita?

2018
Utusan



HUBUNGAN dan ikatan pelbagai etnik khususnya di Semenanjung sebagai satu kesatuan utuh masih lagi rapuh sekali gus memerlukan pemahaman dan penghayatan Kontrak Sosial.

SETELAH 67 tahun kemerdekaan, sistem sosial kita, iaitu hubungan dan ikatan etnik Melayu-Cina-India, khususnya di semenanjung sebagai satu kesatuan utuh dalam erti yang sebenarnya ibarat jauh api dari panggang, iaitu tidak seperti yang diharapkan. Ia satu fenomena, yakni perkara yang benar-benar berlaku dan disadari oleh banyak pihak sebagai rapuh.

Hubungan dan ikatan sebegitu rupa terjadi kerana integrasi yang merupakan sifir pembentukan negara bangsa kita, tidak pun berjaya dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Ini kerana keengganan etnik bukan Melayu yang secara umumnya didapati selalu mencari dalil untuk tidak mahu berintegrasi sepenuhnya ke dalam struktur sosial Melayu.

Antaranya untuk berkongsi bahasa, budaya dan sejarah. Dengan ini, bahasa, budaya dan sejarah Melayu hendaklah diterima bukan sahaja dengan seadanya. Juga secara ikhlas atas dasar bahawa negara yang didatangi etnik bukan Melayu adalah tidak lain tidak bukan bumi Melayu-Islam.

Sehubungan penerimaan ini, etnik bukan Melayu, khususnya Cina didapati masih memiliki minda dan jiwa terkongkong, yakni yang belum bebas sepenuhnya lagi daripada mentaliti sebagai orang luar. Sepatutnya dengan negara yang sudah lama merdeka, yakni kita bukan sahaja memerintah sendiri, juga boleh menentukan destini kita tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak luar, mentalitinya bukan sebegitu lagi, sebagai orang asing yang tiada apa-apa kaitan jua dengan negara ini, khususnya yang bersifat primordial.

Sepatutnya dengan tempoh yang sudah agak lama itu, pemikiran dan tindakan etnik bukan Melayu tidak boleh lagi dan hanya semata-mata mahu terikat dengan perihai dan kepentingan etnik sendiri sahaja. Sebaliknya ia sangat wajar untuk memupuk pemikiran dan tindakan dalam bentuk etnik bukan Melayu bersama-sama etnik Melayu bergerak seiring secara kolektif.

Sebaliknya yang sering berlaku ialah banyak perkara yang dilakukan etnik bukan Melayu, lebih-lebih lagi oleh Cina adalah

semata-mata atas dorongan sendiri yang selalu pula individualistik sifatnya. Ia sebegitu sehingga sering kali didapati membelakangkan etnik Melayu sebagai etnik dominan.

Gejala begini antaranya dapat dilihat pada kenyataan yang menyanggah kepentingan penguasaan bahasa Melayu yang baik oleh warganegara, khususnya dalam kalangan yang bukan Melayu. Sehubungan ini, bahasa Melayu ditonjolkan sebagai tidak mempunyai nilai ekonomi tinggi, berbanding dengan bahasa Cina Mandarin, apatah lagi bahasa Inggeris.

Dalam pada ini, penyebaran bahasa Melayu diunjurkan sebagai amat terhad sekali, yakni di Indonesia sahaja sebagai tempat lain yang signifikan di luar Malaysia.

Sepatutnya melalui minda dan jiwa yang tidak terkongkong, sudah harus ada kesedaran dan keinsafan bahawa nilai bahasa Melayu adalah dalam ranah kenegaraan. Ia tinggi sekali kerana bahasa Melayu selaku bahasa negara adalah identiti nasional untuk negara ini

dan identiti budaya bagi rakyatnya.

Oleh itu, bahasa Melayu wajib dikuasai dengan cemerlang oleh setiap warganegara di segenap pelosok tanah air untuk menjaga citra Malaysia, baik di dalam mahupun di luar negara.

Ini kerana ia satu keaiban negara apabila masih terdapat warganegara yang tidak menguasai bahasa negara setelah sekian lama bermulanya proses pembentukan negara bangsa.

Reaksi terhadap larangan derma kepada sekolah oleh syarikat minuman keras tidak lama dahulu jelas memperlihatkan bahawa setelah sekian lama menetap di bumi Melayu-Islam, etnik bukan Melayu masih tidak mengetahui walaupun pada hanya permukaannya, cara hidup etnik lain, khususnya Melayu selaku tuan punya bumi yang mereka sedang diami kini.

Hal jelik ini dapat dilihat pada bantahan bahawa derma kepada sekolah vernakular Cina oleh syarikat minuman keras tertentu adalah semata-mata urusan etnik Cina yang

langsung tiada kena-mengena dengan etnik Melayu. Juga dengan Islam sebagai anutan mereka yang walaupun merupakan agama negara yang disebut sebagai agama persekutuan.

Ia bukan sahaja bersifat sangat angkuh semacam etnik Cina sahaja satu-satunya unit terpenting dalam sistem sosial Malaysia. Juga ia memperlihatkan dorongan individualistik etnik Cina yang rakus, selain sama sekali tidak menghiraukan pandangan, keperluan dan kerjasama dengan etnik lain, lebih-lebih lagi Melayu sebagai penduduk asal selain kelompok majoriti di negara ini.

KONTRAK SOSIAL

Sebenarnya sanggahan dan bantahan itu tidak sepatutnya berlaku. Ini kerana ia telah pun dipersetujui dalam Perjanjian Etnik 1955 yang lebih dikenali secara longgarnya sebagai Kontrak Sosial.

Padanya setelah etnik Melayu memberi kerakyatan kepada yang bukan Melayu, etnik Cina dan India bersetuju untuk menerima Islam

sebagai agama Persekutuan, bahasa Melayu selaku bahasa negara, kedudukan istimewa etnik Melayu dan kedaulatan Raja Melayu.

Sewajarnya setelah 67 tahun kita merdeka, pemikiran dan tindakan kita bukan sahaja sudah terbuka amat luas ekoran pemahaman dan penghayatan Kontrak Sosial itu. Ia juga sudah mampu menunjukkan kematangan tinggi, yakni sudah ada banyak kemajuan daripada kejahilan semenjak 1957.

Untuk semua ini berjaya, budaya kolektivisme harus didukung. Dengan ini, etnik bukan Melayu sangat bergantung kepada etnik Melayu dan tidak boleh sesekali bersifat individualisme dalam pemikiran dan tindakan mereka.

Oleh itu, kerjasama dan keharmonian harus diutamakan oleh etnik bukan Melayu dan bukannya sebarang persaingan, apatah lagi pertentangan dengan etnik Melayu.

PROFESOR Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong ialah Fellow Majlis Profesor Negara (MPN) dan Institut Masa Depan Malaysia (MASA).

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 20 AUG 2024

PuTERA35 tingkat ekonomi bumiputera dalam 10 tahun

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu pelaksanaan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dipantau secara lebih dekat supaya ia berjaya memartabatkan golongan bumiputera dan rakyat keseluruhannya tanpa meminggirkan kaum-kaum lain.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan PuTERA35 akan dipantau sepenuhnya oleh Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan beliau sendiri yang bakal menjadi dokumen baharu untuk mengangkat darjat dan martabat bumiputera dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Katanya, pelaporan dan pemantauan secara sistematik dan bersepadu melalui *dashboard* (papan pemuka) yang akan membolehkan penilaian lebih menyeluruh serta langkah intervensi dapat diambil dengan segera.

Untuk itu, beliau mahu semua agensi, kementerian dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) membuat pemantauan tersebut supaya mencapai hasil yang disasarkan demi pembangunan negara.

"PuTERA35 ini perlu, kita nak merancang (pembangunan negara) tetapi tanggungjawab saudara dari agensi kerajaan, syarikat kerajaan, jabatan dan kementerian untuk menjayakannya.

"Kita akan pantau dari dekat dan kita mahu program dan



ANWAR Ibrahim (tengah) melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), semalam. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

pelan ini berjaya bagi memartabatkan bumiputera dan rakyat Malaysia.

"Saya antara PM (Perdana Menteri) yang paling sedikit bicara soal bumiputera dan dasar ekonomi bumiputera kerana saya lebih berminat untuk memastikan pelaksanaannya daripada menghebahkan dasarnya," katanya ketika berucap melancarkan PuTERA35 di sini, semalam.

Pelan tersebut dibangunkan dengan penyertaan, pemilikan dan penguasaan (3P) bumiputera yang lebih bermakna, berhasrat untuk mencipta nilai melalui pendekatan lebih produktif dan bersesuaian dengan moden bumiputera dalam usaha berkembang bagi meningkatkan peranan lebih signifikan dalam pembangu-

nan sosioekonomi negara.

Ia menekankan kepentingan aspek keseluruhan pembangunan termasuk bumiputera Sabah dan Sarawak serta Orang Asli serta menjamin asas kelangsungan, keutuhan dalam pengagihan kekayaan, kesaksamaan dan keadilan sosial.

Pelan ini adalah agenda yang amat diharapkan dengan memberi tumpuan kepada setiap elemen bumiputera dari pelbagai latar belakang dan peringkat di negara ini.

Dalam pada itu, Anwar berkata, mana-mana pihak dalam kalangan yang mengurus dan mengendalikan agensi bumiputera itu dianggap pengkhianat lebih besar kalau mereka merosakkan agensi itu dengan tatakelola yang rendah.

Ini termasuk mengguna-

kan agensi dan peluang untuk memperkayakan diri dan kelompok mereka dan meninggalkan serta melupakan agenda utama untuk mengangkat bumiputera.

"Dalam proses perbincangan dalam wacana kita lebih awal, ini harus kita mulakan, berapa puluh bilion ringgit saham yang diberikan, hampir puluhan malah ratus agensi didirikan, apakah mereka merencanak program secara bertanggungjawab dan ada tidak proses akauntabiliti?

"Dalam pelan perancangan, sebelum kita terus ke peringkat pelaksanaan, yang nak laksanakan ini siapa? Tentunya agensi bumiputera maka mereka harus pastikan proses pelaksanaan itu lebih teliti, lebih cekap, lebih bertanggungjawab," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:2...AUG...2024...

'NO RACE WILL BE MARGINALISED'

NEW PLAN TO SPUR BUMI ECONOMIC DEVELOPMENT

PuTERA35 will make nation a regional economic driver, says PM

NURADZIMMAH DAIM
AND NOR AIN MOHAMED RADHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Bumiputera Economic Transformation Plan 2035 (PuTERA35) will serve as a massive shift to spur Bumiputera development and make Malaysia a regional economic driver, said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Anwar, who is also finance minister, said that as the times had changed, the country needed a new plan to drive the Bumiputera agenda to greater heights.

"The country should be driven with a more convincing level of speed, but at the same time, must not leave anyone behind.

"The idea is that the economic drive should be done with the participation of all people without marginalising any ethnicity, tribe or territory across the country," he said during the launch ceremony of PuTERA35 here yesterday.

The involvement of all quarters, he said, was vital in developing the country, adding that "no role is too small".

He cited the example of the Covid-19 pandemic, where while doctors and nurses were key, those who played a role behind the scenes were also crucial.

"While acknowledging calls for faster progress, it is important to remain grounded in reality and ensure that this advancement does not marginalise any group."

Present were Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Economy Minister Rafizi Ramli, Plantation and Commodities Minister Datuk Seri Johari Abdul Ghani, Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir and other cabinet ministers.

PuTERA35, bearing the theme

'Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna' (Meaningful Bumiputera Participation, Ownership and Mastery), was designed to enhance the value of Bumiputera contributions by fostering a more productive and integrated approach.

It aims to raise the status and dignity of Bumiputeras in line with the aspirations of the Madani Economy: Empowering the People initiative and the 2030 Agenda for Sustainable Development, which will allow Malaysians to enjoy a better quality of life.

The plan is supported by three thrusts, 12 drivers and 132 comprehensive and ambitious initiatives designed to advance Bumiputera development and position Malaysia as a regional economic leader. The transformation plan aims to support Bumiputera growth and development, and

enhance their role in Malaysia's socio-economic progress. This includes ensuring that all segments of the Bumiputera community, including those from Sabah and Sarawak, as well as the Orang Asli, are resilient against future challenges.

PuTERA35 also seeks to boost Bumiputera participation in innovation, research and development, as well as to boost their presence as a skilled workforce.

Detailed programmes and projects for each initiative, covering short-, medium- and long-term goals, will be provided by the implementing agencies and coordinated by designated ministries.

Meanwhile, Anwar said PuTERA35 would not set aside the interests of other races.

"The Bumiputera-related policy is always an affirmative policy to think and reflect on the situation of injustice, but never to set aside the interests of Indian

children, Chinese children, let alone the children of Bumiputeras, Orang Asli or the natives of Sabah and Sarawak," he said.

He called on all quarters to end political enmity and squabbling over race and territories. He said the people should instead work towards finding solutions to these issues for the sake of national unity.

"Not many countries have achieved the success that Malaysia has. This isn't a matter only for the prime minister, ministers or state governments, but everyone, from fishermen to smallholders, both the government and the private sector.

"Thanks to a unified effort, we achieved a 5.9 per cent growth, far better than any Asian country."

He reminded institutions and officials managing the Bumiputera agenda to fulfil their duties diligently to achieve the intended goals.



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim delivering his speech at the launch of the Bumiputera Economic Transformation Plan 2035 in Putrajaya yesterday. PIC BY MOHD FAULI HAMZAH

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 20 AUG 2024



Investment, Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz at the presentation of the Green Investment Strategy in Kuala Lumpur yesterday.

NET ZERO EMISSION COMMITMENT

Ministry targets RM300b green investments by 2030

KUALA LUMPUR: The Investment, Trade and Industry Ministry aims to attract RM300 billion of green investments by 2030 to achieve Malaysia's net zero emission commitments.

Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz said green investments realised in Malaysia between 2017 and 2023 stood at about RM40 billion.

"In the Green Investment Strategy, we plan to increase it to RM300 billion by 2030. That is a very progressive target but it is a target that we need to achieve."

"This is a 7.5 times increase and is in line with the National Energy Transition Roadmap (NETR), which aims to achieve RM300 billion over the next decade," he said at a media conference after presenting the Green Investment Strategy (GIS), here, yesterday.

Zafrul added that this would also help the nation to achieve net zero carbon emission by 2050, as outlined in the NETR and New Industrial Master Plan 2030.

He hopes that the Finance Ministry will approve the incentives requested by his ministry in the 2025 Budget to help businesses in their "costly" green energy transition.

"We would like to see local companies as well as small and medium enterprises benefit from the incentives."

Meanwhile, Zafrul said the ministry was looking at implementing a carbon tax to encourage green investment, particularly for industries that produced high carbon emissions.

The carrot-and-stick approach was crucial in ensuring transparency and a fair environment for businesses, he added.

In terms of punishment, he said developed countries were more for introducing a carbon tax.

"We are discussing with the

Finance Ministry and Natural Resources and Environmental Sustainability Ministry to see how this can be implemented."

"In fact, this was discussed at the National Investment Council and the Finance Ministry has been given a timeline to look into this matter."

For example, Zafrul said one sub-sector of the manufacturing sector contributed almost 25 per cent of the country's carbon emissions.

"Of course, if we were to have a stick approach, we need to ensure that companies are ready to comply."

He said if the carbon tax was not implemented, companies would not have much urgency to reduce their carbon emission as it involved high costs.

"Businesses that invest to improve their carbon emission will definitely be incurring higher costs. So they'd be less competitive than (a business) that was not investing in reducing their carbon emission," he added.

Meanwhile, Zafrul said during the presentation GIS aspired to make Malaysia a major green investment destination by 2030, based on the goal of socio-economic prosperity outlined in the NETR and NIMP 2030.

He said 65 per cent of green investments in Malaysia so far were domestic investment and, hence, GIS was anticipated to increase the foreign portion.

He said GIS was anticipated to contribute RM80 billion to the national gross domestic product by 2030 and create 350,000 high-skilled jobs.

He added that GIS would increase investment competitiveness, with Malaysia's Global Competitiveness and Global Opportunity Index standing expected to enter the top 20 by 2030.

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 20 AUG 2024

Tackle bullying by being kind and thoughtful to others

2018 NST

IT was our first meeting 13 years after he left school. I had become a doctor and Joe pursued his passion for music. I remember him as an affable guy, despite going through what I thought was an odd phase in school.

School life was relatively peaceful, but there were intermittent episodes of incivility or, in another word, bullying.

Joe was one of the ringleaders in one of these episodes.

He proudly told me about bullying others. While I was occasionally bullied at school, he was the same too at some points in his life.

But I had a strong sense of justice. I found it odd that people felt entitled to pick on others as they wished.

When I became a senior myself,

I was opposed to bullying. I also grew to see victims later having victims of their own.

I'm sure many have come to regret it later in life, but many don't.

I saw a classmate, who never got out of his rage, running into trouble in matriculation and was eventually kicked out. Bullies become victims of their own folly.

Incivility is unfortunately common, from schools to banks and the civil service. It is also problematic in other countries.

I knew a medical consultant in England who received patient complaints about how he treated his colleagues.

He no longer works as a doctor. It's a shame as he was a brilliant clinician. Imagine how far he could have gone by just being

nice. Incivility does have less apparent victims.

The "Civility Saves Lives" campaign there promotes awareness and compiles evidence of adverse and potentially deadly consequences of hostile working environments. Incivility impairs performance during a crisis, hinders learning and results in lost productivity, affects profits and demoralises employees.

We know from experience that incivility poisons work and other environments. There is evidence to back it.

A study by Dr Samuel DeMaria in New York found that medical teams working in hostile environments during a medical emergency performed poorly in every metric.

I urge everyone to pause and

think about this when you see incivility in healthcare or other critical settings. Incivility not only makes you feel bad as it will affect you and those around you.

We need to stomp out incivility. It starts with every single one of us. We must be kind to others and be more thoughtful about what we say or do. We must celebrate examples of leaders promoting positive and productive learning environments.

Like many of us, I was saddened to read about the news of Zulfarhan Osman Zulkarnian, who died at the hands of his fellow UPNM cadets.

Imagine if a different "learning climate" was fostered by treating him as a fellow cadet instead and as one of us. One who deserves our compassion and help. His

success would be our success. Zulfarhan could have been a success story and, crucially, alive.

We are seen as a kind and compassionate society. So, we should strive to live up to our values. Do better. Start and build on the kindness campaign and the excellent work by others in promoting civility across society.

In the early years, Joe was kind and supportive. Then he wasn't. I wonder who turned him that way and whose lives he may have ruined. Lacking insight, he is yet another casualty.

When civility reigns, I hope the stories of our children will be different. We will all be winners in the fight against incivility.

HAIRI HALIMI
Kuala Lumpur

NEW STRAITS TIMES
Tarikh: 20 AUG 2024

Air Selangor raises RM1.2 billion from SRI sukuk issue

KUALA LUMPUR: Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd has raised RM1.2 billion through the issuance of its sixth and largest tranche of Sustainable and Responsible Investment Sukuk Kelestarian Air Selangor (SRI KAS).

The water services provider said the issuance, comprising four series with maturities ranging from 10 to 25 years, marks the completion of its seventh issuance to date under its RM10 billion sukuk murabahah programme.

"We are very pleased with the outcome and strong support from the investors, as reflected in the remarkable oversubscription of 4.95 times. It is a testament to investors' continuing confidence in Air Selangor's credit and their recognition and

support of our sustainability agenda," CEO Adam Saffian Ghazali said in a statement yesterday.

He said the proceeds from the issuance will allow Air Selangor to align with the aspirations of the Ministry of Energy Transition and Water Transformation. "It will further bolster investments in increasing water reserve margins, reducing non-revenue water and ensuring continuous, more efficient, and greener operations of our water infrastructure."

Backed by solid orders aggregating to RM5.9 billion, the offering was increased by 20% from RM1 billion to RM1.2 billion, according to Air Selangor.

"This support has established Air Selangor's sixth SRI KAS as the new standard for AAA sukuk

issuances. The proceeds would be utilised to finance eligible projects that align with our priority Sustainable Development Goals and our Sustainable Development Sukuk Kelestarian Framework," it said.

The sukuk murabahah programme, under which the SRI KAS was issued, has been reaffirmed a long- and short-term rating of AAA with a stable outlook and P1, respectively, by RAM Rating Services Sdn Bhd on Sept 11, 2023.

Bank Islam Malaysia Bhd served as the principal adviser, lead arranger, and syariah adviser for the sukuk murabahah programme. Bank Islam and CIMB Investment Bank Bhd acted as joint lead managers for the SRI KAS. — Bernama

THE SUN
Tarikh: 20 AUG 2024

Blueprint to boost Bumiputera companies' contribution to GDP

■ BY HAYATUN RAZAK
sunbiz@thesundaily.com

PUTRAJAYA: The government aims to increase the contribution of Bumiputera companies to Malaysia's gross domestic product (GDP) to 15% by 2035 from 8.1% in 2022 under the Bumiputera Economic Transformation Plan 2035, or PuTERA35.

In addition, the target for Bumiputera participation and control through government-linked companies and government-linked investment companies equity is increased to 20% by 2035, up from 18.7% in 2020.

Economy Minister Rafizi Ramli said the Unity Government is committed to ensuring that the Bumiputera agenda continues to be prioritised in every socio-economic development plan of the country.

"There is still room and opportunity for us to reflect and strive to find the best solutions so that the socio-economic status of the Bumiputera community becomes more advanced and prosperous.

"This can be achieved through structural economic reforms aimed at making Malaysia a developed

Govt launches PuTERA35 to increase their share to 15% by 2035 from 8.1% in 2022

and high-income country. Bumiputeras have the opportunity and potential to play a more significant role in new sectors and industries with high added value, including high-growth high-value industries," he said at the launch of PuTERA35 here yesterday.

However, he added that this will in no way deny the rights of other races. Instead, it will be able to bring benefits to all races in terms of the country's development and progress.

At the launch, Rafizi said the new direction of Bumiputera economic development - PuTERA35 - is a step to elevate the status and dignity of Bumiputeras.

"This plan outlines three pillars that align with the Madani Economy: first, strengthening the nation's economic foundation; second, enhancing governance and institutional integrity; and third, upholding social justice."

However, he said, while the government may have excellent

plans, what is crucial is the efficiency of implementation for the effectiveness of the devised plans.

"Last Friday, we heard the message from the honorable prime minister that each of us must have a strong commitment to improve productivity and efficiency, and be ready to implement changes to enhance the country's competitiveness," Rafizi said.

He added that the government's shared hope is that the Bumiputera Economic Transformation Plan 2035 will produce a generation of Bumiputeras who are positive, progressive, and innovative, capable of competing not only at the domestic level but also on the international stage.

According to the government, PuTERA35's preparation considered inputs from the 2024 Bumiputera Economic Congress, involving the efforts of stakeholders from the public and private sectors, including non-Bumiputera groups.

The government said PuTERA35

does not replace existing development plans but is developed as a continuation of the government's policies and directions in line with the Madani Economy: Empowering the People, and aligned with the 2030 Sustainable Development Agenda (Agenda 2030) to elevate the dignity and status of the people.

It said although previous Bumiputera empowerment policies and plans have yielded some results, much work remains to address various global, regional, and national issues and challenges.

"Domestic issues and challenges were also considered in developing the PuTERA35 roadmap to prepare Bumiputeras to contribute to national development towards achieving high-income economic status," it said.

The government pointed to the challenges facing Bumiputeras in making contributions to national socio-economic development. The issues include competitiveness, equity ownership, and success creation, education, talent, institutional and governance weaknesses, and incomplete social protection.

It said the Bumiputera development agenda over the past six decades has focused on poverty eradication and societal restructuring; addressing income disparities; equity and property ownership; and enhancing the competitiveness of Bumiputera enterprises.

However, it said, structural issues such as widening income and wealth gaps between ethnicities; the socio-economic status of Bumiputeras trapped in the middle and lower classes; and Bumiputera participation concentrated in low-value-added economic activities still persist.

The government said the approach in monitoring PuTERA35's implementation involves a top-down method by the Ministry of Economy and a bottom-up method by the Bumiputera Agenda Empowerment Unit (UPAB).

It said UPAB's role will be strengthened and it will be given responsibility for implementing and monitoring the initiatives at ministry and agency levels.



Rafizi delivering his address at the launch of PuTERA35 yesterday. — BERNAMAPIC

Help M'sia achieve AI target: Anwar 2018 Sun

SHAH ALAM: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim wants all parties to support and play a role in achieving Malaysia's aspirations to be among the top 20 countries in terms of artificial intelligence (AI) technology.

For that purpose, he wants researchers, developers and decision-makers to work together to develop and adopt AI-related technology responsibly and ethically.

"We (the government) have agreed to help build the national AI ecosystem, especially in terms of having a centre of excellence to facilitate AI learning and research, including creating Malaysia's very own AI cloud computing system.

"At the same time, I also want to stress that human values, data protection and the responsible use of technology are all affected and given a new meaning by this technology," he said at the International Conference on Innovation and Entrepreneurship in Computing, Engineering and Education Science at Universiti Teknologi Mara Shah Alam yesterday.

The text of his speech was read by Higher Education Deputy Minister Datuk Mustapha Sakmud.

Anwar said despite helping to improve the quality of life, efficiency and creativity of humans, the modern and dynamic Generative AI technology has a dark side that society needs to be aware of.

He added that as such, the government's general approach is to minimise issues by identifying the risks associated with the impact of AI on society and people's lives. - Bernama

Tsrikk: THE SUN
20 AUG 2024